

**JENIS SOALAN SEJARAH**

- 1) SOALAN FAKTA/KONSEP ( BUKU TEKS)
- 2) SOALAN KBAT TERTUTUP (KBAT SUSAH, BOLEH MENANGIS)
- 3) SOALAN KBAT TERBUKA (KBAT SENANG, TAPI RAMAI JUGA TERMENUNG)

(BAB 7 TINGKATAN 4 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN)

**BENTUK SOALAN FAKTA**

1.

- (a) Nyatakan tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK)?

3 MARKAH

Tujuan penubuhan JHAK ialah mengkaji hubungan kaum. Selain itu, JHAK memupuk keharmonian dan perpaduan dalam kalangan penduduk antara kaum.

**SOALAN KBAT TERTUTUP**

- (b) Mengapakah penubuhan di 1 (a) penting kepada negara dan bangsa?

3 markah

Penubuhan di 1 (a) penting kepada negara dan bangsa kerana dapat mengelakkan berlakunya masalah hubungan antara kaum yang boleh mencetuskan pergaduhan antara kaum. Seterusnya, penubuhan ini juga memastikan perpaduan kaum meningkat sekaligus meningkatkan keharmonian antara masyarakat.

**SOALAN KBAT TERBUKA**

- C) Beri cadangan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat

4 markah

Cadangan untuk memupuk perpaduan adalah rakyat tidak menimbulkan perkara \_\_\_\_\_ seperti mengutuk \_\_\_\_\_ kaum lain. Seterusnya, rakyat \_\_\_\_\_ kepada raja dan negara. Selain itu, rakyat menghormati \_\_\_\_\_ perayaan kaum lain seperti Perayaan \_\_\_\_\_.

### PENGGUNAAN BAHASA RINGKAS

Beri cadangan anda untuk menghalang imperialisme daripada berlaku?

8 Markah

Cadangan saya ialah kita mesti ada teakwando dan silat agar ada berani tahan ini negara. Selain itu, kita mesti sayang ini negara dan jangan kawan dengan orang jahat yang mahu jajah ini negara. Tambahan pula, awak sama saya mesti satu hati semua kaum. Akhir sekali kita mesti pandai guna senjata sniper untuk tahan ini negara. Akhir sekali, Raja mesti halang orang Bangladesh, Negro ramai masuk ini negara tiada pasport.

### TEKNIK MENGUASAI NOTA RINGKAS

#### BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

#### TARGET : GAGASAN MALAYAN UNION

Soalan : Ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union

Buku Teks m/s 97

1. Gabung NNMB, NNMTB dan NNS.
2. Singapura tidak termasuk dalam MU.
3. Gabenor British ketua Malayan Union.
4. Sultan hanya menjadi Ahli Majlis Raja-Raja.
5. Sultan hanya membincangkan soal agama Islam.
6. Kewarganegaraan jus soli.

#### SOALAN ARAS PEPERIKSAAN (SOALAN NOTA LAIN, SOALAN PEPERIKSAAN LAIN)

Bagaimanakah British bertindak memperkukuhkan kuasa mereka melalui Malayan Union?

British bertindak memperkukuhkan kuasa mereka melalui Malayan Union dengan Gabung NNMB, NNMTB dan NNS. Selain itu, Singapura tidak termasuk dalam MU. Seterusnya, Gabenor British ketua Malayan Union manakala Sultan hanya menjadi Ahli Majlis Raja-Raja dan Sultan hanya membincangkan soal agama Islam. Akhir sekali, Kewarganegaraan jus soli diperkenalkan.

**TARGET : GAGASAN MALAYAN UNION**

Reaksi Rakyat Terhadap Malayan Union

Buku Teks m/s 102-106

1. Menggunakan surat khabar
2. contohnya, Utusan Melayu
3. menubuhkan Persatuan Melayu
4. mengadakan rapat umum
5. mengadakan kongres
1. menubuhkan UMNO
2. UMNO menentang Malayan Union

**SOALAN ARAS PEPERIKSAAN (SOALAN NOTA LAIN, SOALAN PEPERIKSAAN LAIN)**

Bagaimanakah tindakan orang Melayu untuk menggagalkan Malayan Union?

Tindakan orang Melayu untuk menggagalkan Malayan Union adalah dengan Menggunakan surat khabar. contohnya, Utusan Melayu. Selain itu, menubuhkan Persatuan Melayu dan mengadakan rapat umum serta mengadakan kongres. Akhir sekali, menubuhkan UMNO dan UMNO menentang Malayan Union.

**PENDEDAHAN BAHAGIAN A : STRUKTUR****KENALPASTI BENTUK SOALAN STRUKTUR (FAKTA DAN KBAT)**

**Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 15 Ogos 1957 (ms 224-225)**

(a) Nyatakan tiga isi perjanjian tersebut 3 markah

(i) Agama Islam merupakan agama rasmi

(ii) Bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan

(ii) Raja Berperlembagaan diamalkan

(b) Jelaskan kepentingan perjanjian tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia 3 markah

Kepentingan perjanjian tersebut ialah agama Islam sebagai agama rasmi namun agama lain boleh diamalkan. Seterusnya, Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan Raja Berperlembagaan diamalkan.

Kepentingan perjanjian tersebut ialah keamanan negara dapat dikekalkan. Selain itu, perpaduan rakyat meningkat. Akhir sekali, kepentingannya ialah kemakmuran negara dapat ditingkat sekaligus memastikan imej negara meningkat di persada dunia.

(c) Mengapakah perjanjian tersebut berjaya ditandatangani?

Gunakan pengetahuan sejarah anda dan pengetahuan am anda 4 markah

Perjanjian tersebut berjaya ditandatangani kerana rakyat Tanah Melayu mahu merdeka. Selain itu, rakyat Tanah Melayu bekerjasama antara kaum dan menunjukkan kata sepakat untuk merdeka. Akhir sekali, perjanjian tersebut berjaya ditandatangani kerana perpaduan antara kaum berjaya diamalkan malah tiada pergaduhan antara kaum berlaku semasa proses kemerdekaan.